

Tun Mahathir akui pergunaan DAP

Bekas PM mahu dapat majoriti dua pertiga bagi PH pada PRU14, jatuhkan Najib

essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau mempergunakan DAP dan sedar parti itu juga mahu menggunakannya, dalam usaha mereka bersama untuk menjatuhkan kepimpinan Datuk Seri Najib Razak dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) 2018.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kerjasama dengan DAP ketika itu didorong oleh keinginan bersama untuk mendapatkan majoriti dua pertiga bagi Pakatan Harapan (PH) pada PRU atas dasar 'musuh kepada musuh anda adalah rakan anda'.

"Jika saya tidak menggunakan DAP, kita tidak akan mencapai



Dr Mahathir bersama Khairy dan Shahril (kanan) pada rakaman podcast *Keluar Sekejap* disiarkan semalam.

(Foto ihsan Facebook Keluar Sekejap)

majoriti dan Najib akan terus menjadi Perdana Menteri. Antara DAP dan Najib, mana satu yang perlu kita jatuhkan?

"Sebab itu saya mahu gunakan DAP dan saya sedar DAP juga mahu menggunakan saya kerana DAP juga mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk mendapatkan majoriti dua pertiga dan menjatuhkan Najib," katanya.

Beliau mendedahkan demikian dalam rakaman *podcast Keluar Sekejap* bersama bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan bekas Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan,

yang disiarkan semalam.

Dr Mahathir menjawab pertanyaan Shahril mengenai pendiannya yang dilihat tidak konsisten dalam berurusan dengan DAP dan PAS.

Sementara itu, Dr Mahathir menyatakan kesediaannya memberikan sokongan kepada mana-mana pemimpin yang boleh melakukan sesuatu yang betul bagi 'memulihkan' Malaysia.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau juga berasa bertanggungjawab untuk bersuara jika

wab. Perjuangan saya untuk nak tentukan bangsa saya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain.

"Apabila saya lihat orang ini lebih utamakan duit dan jawatan, itu saya tak boleh sokong. Kalau nak pegang jawatan Perdana Menteri, mesti sumbang kepada kejayaan negara dan pemulihan kedudukan orang Melayu, itu perjuangan saya," katanya.

Ditanya mengenai masa depan Malaysia, bekas Presiden UMNO itu berpandangan, sekiranya keadaan sekarang berterusan, beliau menjangkakan dalam masa 10 tahun lagi orang Melayu akan dipinggirkan dan Malaysia bukan lagi menjadi tanah Melayu.

Dr Mahathir turut mendakwa, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mendapat peluang menjadi pemangku Perdana Menteri ketika beliau bercuti pada tahun 90-an, terbukti tidak mampu menangani krisis kewangan yang dihadapi negara pada masa itu.

Beliau menegaskan, Anwar ketika itu seolah-olah tidak faham masalah yang dihadapi negara, sekali gus tidak dapat mengenai pasti cara menyelesaikan masalah berkenaan.

berpandangan seseorang Perdana Menteri itu melakukan tindakan yang tidak baik untuk negara dan orang Melayu.

Katanya, beliau akan memberikan masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk melihat apa yang boleh dilakukan oleh individu yang menjawat jawatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak merujuk atau menamakan seseorang secara khusus kepada mana-mana Perdana Menteri atau bekas Perdana Menteri.

"Kalau saya berdiam diri, bermakna saya tidak bertanggungja-